

Ruj. Kami : 0.0010 JLD. 16 (5)
Tarikh : 26 Februari 1997

Semua Ketua Jabatan Persekutuan, Sabah

Pengarah Jabatan Kerja Raya Sabah

Pengarah Lembaga Pembangunan Perumahan Dan Bandar Sabah

Pengarah Perhutanan Negeri Sabah

Pengarah Pertanian Negeri Sabah

Pengarah Pengairan Dan Saliran Sabah

Pengarah Perpustakaan Negeri Sabah

Pengarah Taman-Taman Sabah

Y.Bhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan,

**SURAT PEKELILING PERBENDAHARAAN MALAYSIA SABAH
BILANGAN 8 TAHUN 1997**

**TINDAKAN SEGERA UNTUK MENGEMUKAKAN PERAKUAN TENDER JABATAN
KEPADA LEMBAGA PEROLEHAN PERSEKUTUAN SABAH**

Adalah saya dengan hormatnya menarik perhatian Y.Bhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan, kepada perkara yang tersebut di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa pejabat ini mendapati ada beberapa Jabatan yang telah mengambil masa yang lama untuk menyediakan dan mengemukakan perakuan tender Jabatan kepada Lembaga Perolehan Persekutuan Sabah . Kelewatan ini akan menyebabkan projek-projek lewat dilaksanakan atau pembelian barang-barang /alat-alat lewat diuruskan dan seterusnya boleh menyebabkan peruntukan yang telah disediakan itu tidak dibelanjakan.

3. Pejabat ini berharap Jabatan-jabatan akan mengambil tindakan segera untuk menyediakan kertas perakuan tender Jabatan setelah tender ditutup, untuk dibentangkan di dalam mesyuarat Lembaga Perolehan Persekutuan Sabah .

4. Pejabat ini akan mendapatkan penjelasan secara resmi daripada Jabatan-Jabatan yang gagal mengemukakan kertas perakuan tender Jabatan kepada Lembaga Perolehan Persekutuan Sabah selepas tiga (3) minggu dari tarikh tutup tender yang berkaitan.

5. Adalah diharapkan semua ketua-ketua Jabatan mengambil tindakan yang segera untuk menyediakan kertas perakuan tender Jabatan kepada Lembaga Perolehan Persekutuan Sabah.

Di atas perhatian Y.Bhg. Dato'/Datuk/Tuan/Puan kepada perkara ini diucapkan terima kasih.

Sekian.

" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

Saya yang menurut perintah,

T.T

(DATUK DR.ABDUL AZIZ BIN MOHD. ALI)

Pegawai Kewangan Persekutuan,
Sabah.

Salinan

Fail: (8.00) (01.00) 96/1-3 (71)